

**TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA MPSP**  
**Y.BHG. PUAN MAIMUNAH MOHD SHARIF**  
**PERASMIAN PELANCARAN**  
**PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)**  
**TELEPLAN**

**7 JUN 2012**

---

**Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh,  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Kesihatan, Kebajikan &  
Masyarakat Penyayang  
Merangkap Ahli DUN Sungai Puyu**

**Yang Dihormati Encik Mohamad Anuar bin Embi  
Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Negeri Pulau  
Pinang**

**Yang Dihormati Encik Fitri bin Mohd Mohktar  
*Senior Assistant Manager of Department of Environment***

**Yang Berbahagia Encik Terry Dunn  
Timbalan Presiden Bahagian Operasi Teleplan Asia Pasifik  
Merangkap Pengurus Besar Teleplan Penang**

**Yang Berbahagia Encik Ravi Shattan  
Timbalan Pengurus Besar Teleplan Penang**

**Para jemputan daripada ;  
SJK (C) True Light  
Maahad Tahfiz AQSA  
Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Perai**

**Syarikat Shan Poornam Metals Sdn. Bhd.**

**Rakan-Rakan Pemberita**

**Tuan-tuan dan puan-puan, warga kerja Teleplan yang dihormati sekalian**

**Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh**

**Selamat pagi dan salam sejahtera**

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh kerana sudi datang bersama kita pada pagi ini bagi merasmikan Projek CSR MPSP dan Teleplan.

Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini.

1. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Teleplan Techonology Services Sdn. Bhd. kerana menjemput saya untuk ke Majlis Pelancaran Tanggungjawab Sosial Korporat Teleplan pada hari ini. Saya bersyukur dan berasa amat gembira kerana dapat berkumpul bersama tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin untuk menjayakan majlis ini.
2. Saya terharu melihat pihak Teleplan kerana begitu positif dan komited untuk bersama MPSP dalam usaha menjayakan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu "Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang".

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Teleplan kerana membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan menarik sejajar dengan moto MPSP iaitu "*Sustainability is Our Commitment*".

3. Sebelum ini, saya sempat bertemu dengan beberapa ahli jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat Teleplan di beberapa majlis di luar. Ini termasuklah dalam majlis

Pelancaran “ZERO WASTE” oleh Sekolah Jenis Kebangsaan True Light di Juru. Di sini, kita dapat dilihat komitmen yang diberikan oleh Teleplan dengan sekolah dan komuniti. Saya ucapkan syabas kepada Teleplan.

4. Manakala, penglibatan Teleplan dengan proram-program LA21, MPSP amat mengalu-alukan penyertaan dari semua pihak. Sokongan sektor swasta memang salah satu elemen penting dalam menjayakan pelaksanaan LA 21 MPSP. Konsep LA21 ini boleh dijayakan lagi dengan adanya penglibatan sektor korporat dan swasta melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR).
5. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, *Local Agenda 21* hanya merupakan agenda yang disediakan dan diletakkan dalam almari ataupun meja sahaja. Tetapi MPSP telah menukar *Local Agenda 21* kepada *Local Action 21* kerana “*We want action oriented, action on ground*”. Oleh itulah, MPSP pada tahun 2011 telah menukar dari *Local Agenda 21* kepada *Local Action 21*.
6. Agenda yang disediakan oleh Teleplan pada pagi ini berdasarkan pada aspek Tanggungjawab Sosial Korporat adalah memang bertepatan dengan aspirasi Kerajaan Negeri. Program seperti penanaman pokok, penyerahan eco-bag kepada para jemputan dan pekerja Teleplan merupakan usaha Teleplan meningkatkan kesedaran pekerja dan komuniti terhadap penjagaan alam sekitar. Saya menyeru kepada semua kakitangan Teleplan supaya mengambil bahagian dalam menjaga kebersihan kawasan sekitar di Seberang Perai dan janganlah membuang sampah merata-rata.

7. Saya juga amat mengalu-alukan sumbangan oleh pihak Teleplan kepada sekolah-sekolah untuk menjayakan program kitar semula. Saya melihat, ini adalah hasrat murni Teleplan bersama MPSP untuk mengukuhkan lagi hubungan silaturrahim dan juga semangat bekerjasama bagi menjayakan objektif dan hasrat kita terhadap komuniti.
8. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, Program Anugerah Sekolah Hijau MPSP telah mencapai penyertaan sebanyak 53 buah sekolah hanya sehingga hari ini yang berbanding tahun 2011, hanya 36 buah sekolah dan tahun 2010, hanya 30 buah sekolah. Manakala sebanyak 4 buah sekolah telah menyertai Program Sisa Sifar (*Zero Waste*). 3 buah taman perumahan masing-masing 1 buah taman di SPU, SPT dan SPS telah menyertai Program Taman Bersih. Terdapat juga Pusat Sumber Alam Sekitar yang bersama-sama MPSP melaksanakan *Zero Waste* iaitu Taman Bagan Lalang, Taman Desa Damai, Taman Keenway, Taman Sri Rambai dan Taman Tambun Indah. Ini menunjukkan JKKK dan komuniti bersama-sama MPSP dalam menjaga alam sekitar. Saya menyeru kepada Jawatankuasa CSR Teleplan untuk bersama-sama dengan kita dalam projek “anak angkat” CSR Lanskap di sekitar Seberang Perai dan dalam Program Penanaman Pokok.
9. MPSP juga telah menjalankan komposting di Pasar Awam Bagan Ajam. Pada hari pertama iaitu 1 April 2011, 300kg sisa / hari sahaja berjaya dikutip tetapi selepas setahun iaitu 1 April 2012, ia telah meningkat kepada 4 tan sisa / hari. Ini juga menunjukkan orang awam faham tentang idea komposting dan ini akan membantu menjimatkan

perbelanjaan MPSP dalam melupuskan sampah yang akan dihantar ke Pulau Burung ataupun Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar. Pada tahun lepas, MPSP telah membelanjakan RM 42 juta dalam pengurusan sampah dengan menggunakan cukai-cukai yang dibayar oleh tuan-tuan dan puan-puan. Tetapi sekiranya kita boleh meningkatkan kadar kitar semula, maka kita boleh menjimatkan perbelanjaan tersebut yang boleh digunakan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik di dalam aspek membaiki longkang , menyediakan taman-taman permaianan kepada anak-anak dan lain-lain.

10. Untuk makluman, kadar kitar semula MPSP pada tahun ini telah mencapai 26.48% dimana adalah lebih tinggi berbanding sasaran yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu 20% pada tahun 2020. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran yang lebih tinggi untuk MPSP iaitu kadar kitar semula sebanyak 30%. Saya percaya dengan sokongan daripada tuan-tuan dan puan-puan, sasaran ini boleh meningkat daripada 26.48% kepada 30%.
11. Disini saya menyeru kepada semua pekerja kerana saya difahamkan terdapat sebilangan orang yang sanggup membayar RM 0.20 untuk plastik semasa pergi membeli-belah. Pada hari ini, Teleplan telah mengedarkan eko-bag, marilah kita membawa beg ini apabila kita hendak keluar untuk membeli-belah. Saya juga telah melancarkan satu konsep iaitu 4R (*Rethink, Reuse, Reduce, Recycle*). Sebelum ini, kita hanya akan fikir sebelum buang, sekarang kita harus fikir sebelum membeli dan hanya membeli barang-barang yang diperlukan sahaja. Disini juga saya ingin

mengucapakan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa CSR Teleplan kerana bersama-sama dengan MPSP dan berharap perkongsian pintar ini akan berterusan dan membawa kita kepada persekitaran yang lebih bersih. Untuk makluman, *monsoon drain* yang terdapat di FTZ Yokohama, Japan boleh digunakan untuk menjalankan aktiviti memancing. Saya berharap pada satu hari nanti, kita boleh membela ikan dan memancing di *monsoon drain* yang terdapat di FTZ ini.

12. Melihat kepada usaha positif, komitmen dan semangat untuk mendokong usaha Kerajaan Negeri, saya percaya Teleplan boleh menjadi “CSR Leader” atau Pemimpin CSR untuk syarikat-syarikat swasta lain di kawasan Perai.
13. Untuk makluman semua, sehingga bulan Mei 2012, MPSP sedang giat menjalankan 12 projek CSR Lanskap di kawasan sekitar Seberang Perai. 12 projek CSR Lanskap tersebut adalah seperti berikut:
  - Vision Park, Bertam, SPU
  - Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, SPU
  - Bulatan Bandar Perda, SPT
  - Taman Tunku, Seberang Jaya, SPT
  - Bulatan Bukit Minyak A, SPT
  - Bulatan Bukit Minyak B, SPT
  - Bulatan Bukit Tengah, SPT
  - Autocity, Juru, SPT
  - Bulatan Seberang Jaya, SPT
  - Bulatan Tenggiri, Seberang Jaya, SPT
  - Bulatan Bandar Putra Bertam, SPU dan yang terakhir

- Bukit DO, SPT yang telah dirasmikan oleh Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Lim Guan Eng pada 4 Jun yang lepas.
14. Selain itu, MPSP juga mengadakan MPSP GreenRide yang baru dijalankan pada 3 Jun yang lepas. Saya telah bersama-sama 200 penunggang basikal melalui laluan di SPT sejauh 35 km. Tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk menyertai aktiviti ini yang akan melalui laluan di SPS pada bulan September ini. Pada 26 Ogos ini juga, MPSP akan mengadakan Larian Hijau MPSP dan aktiviti senamrobik pada Ahad ketiga setiap bulan. Dijemput semua untuk menyertai program-program ini yang boleh merapatkan hubungan antara MPSP dengan pihak Teleplan.
15. Akhir kata, terima kasih dan syabas kepada Teleplan dan saya mengharapkan projek ini akan dijalankan dengan jayanya dan dapat digunakan oleh semua golongan masyarakat. Kemudahan-kemudahan yang kita sediakan ini diharapkan dapat dijaga oleh semua pengguna dan bersama-sama dengan MPSP dalam aktiviti-aktiviti yang disebutkan sebentar tadi. Saya sebagai YDP MPSP & juga para pegawai daripada MPSP akan sentiasa bersama-sama tuan- tuan dan puan-puan dalam sebarang program yang dapat meningkatkan kebersihan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.